


Pembangunan Pertanian dan Perikanan

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN
PERIKANAN, MALAYSIA

•
•
•

KANDUNGAN



Pendahuluan
Ibu Pejabat	1
Bahagian Pertanian	4
Bahagian Perikanan	8
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	12
Bahagian Perkhidmatan Haiwan	15
Lembaga Kemajuan Ternakan Negara	17
Bahagian Parit dan Taliair	18
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	21
Institusi Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian	24
Bahagian Kajiteknik Makanan	28
Jabatan Mergasetua	29
Lampiran A Pertanian	31
Lampiran B Perikanan	32
Lampiran C Haiwan	34
Lampiran D Parit dan Taliair	36
Lampiran E FAMA	37

•
•
•

Access. No: 4095 527/80

Class. No:

PENDAHULUAN

Matlamat utama Kementerian Pertanian dan Perikanan ialah untuk melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan khususnya mengenai Dasar Ekonomi Baru. Untuk mencapai tujuan tersebut Kementerian ini telah mengalami beberapa perubahan yang sewajarnya, istimewa tentang penubuhan beberapa buah Lembaga disamping adanya Jabatan-jabatan berkenaan. Pembentukan Lembaga-lembaga seperti MAJUIKAN, MAJUTERNAK, MADA, dan KADA sebagai tambahan kepada FAMA, bertujuan bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang lebih pesat ke arah memajukan rakyat yang terlibat di bidang-bidang tersebut. Dengan penubuhan Lembaga-lembaga ini juga membolehkan Kerajaan melibatkan diri secara aktif dalam usaha membaiki taraf hidup rakyat.



Penerbitan buku kecil ini ialah untuk membolehkan rakyat memahami serta mengikuti aktiviti-aktiviti dan kemajuan-kemajuan Kementerian ini dengan lebih dekat. Bukanlah tujuan buku ini untuk menghuraikan tiap-tiap projek yang diselenggarakan, malah tumpuan diberikan kepada projek-projek yang telahpun selesai ataupun hampir selesai dan memberi faedah kepada rakyat. Untuk memudahkan pembacaan lampiran-lampiran juga disediakan. Buku kecil ini akan menjadi panduan yang berguna di dalam usaha kita menyelenggarakan kegiatan-kegiatan pembangunan. Saya percaya kemajuan yang lebih pesat boleh dicapai dengan adanya pengertian jelas oleh rakyat terhadap satu-satu usaha yang dikendalikan.

A handwritten signature in cursive script, which appears to read 'Ghazali'. The signature is written in dark ink on a light background.

TAN SRI DATO' HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI,
P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S.,
*Menteri Pertanian dan Perikanan,
Malaysia*

KUALA LUMPUR,
27hb Jun, 1974.



Statebank untuk Kementerian Per-
tanian dan Perikanan telah telah
melaksanakan dasar-dasar yang telah
ditetapkan khususnya mengenai
Isian Ekonomi Baru. Untuk mencapai
tujuan tersebut Kementerian ini telah
mengalami beberapa perubahan yang
sangat penting, istimewa tentang penun-
dan beberapa buku Lembaga dan
yang sedang berjalan-jalan bekerja-
an. Pemerintah Lembaga-Lembaga
seperti MALUKA, MALUTERAK,

MADA, dan KADA sebagai tambahan kepada PAMA, bertujuan
bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan-tindakan yang
lebih cepat ke arah memajukan rakyat yang terbelak di bidang-
bidang tersebut. Dengan perubahan Lembaga-Lembaga ini juga
membolehkan Kerajaan melibatkan diri secara aktif dalam usaha
meningkatkan taraf hidup rakyat.

Pencapaian buku kecil ini ialah untuk membolehkan rakyat
menambahi serta mengimani aktiviti-aktiviti dan kemajuan-kemajuan
Kerajaan ini dengan lebih dekat. Bukannya tujuan buku ini
untuk mengemukakan tapak-tapak projek yang dilaksanakan, malah
tujuan dibikin kepada projek-projek yang telahpun selesai
supaya hampir selesai dan memberi lajak kepada rakyat. Untuk
memudahkan pembacaan lampiran-lampiran juga disediakan. Buku
kecil ini akan menjadi panduan yang berguna di dalam usaha kita
menyegerakan kegiatan-kegiatan pembangunan. Saya percaya
kemajuan yang lebih pesat boleh dicapai dengan adanya pengedaran
jelas oleh rakyat terhadap apa-apa usaha yang disediakan.

The Sri Datu Hari Mohd Ghaffar bin Hari
T.M.K. D.K.M. S.M.S.
Menteri Pertanian dan Perikanan
Kuala Lumpur

Kuala Lumpur
17th Jan 1974

IBU PEJABAT KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

Tujuan utama Kementerian ini ialah untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dengan meninggikan taraf hidup dan pendapatan petani-petani, peladang-peladang, nelayan-nelayan dan pekerja-pekerja dalam bidang-bidang ekonomi pertanian dan sumber-sumber alam serta mengadakan peluang-peluang kerja yang lebih banyak lagi dalam bidang-bidang ini. Ibu Pejabat Kementerian Pertanian dan Perikanan yang menjalankan penyatuan sepenuhnya telah melaksanakan satu penyusunan semula untuk memperkukuh cara pengurusan dan pentadbiran Kementerian untuk meliputi Jabatan-jabatan dan Badan-badan Berkanun di bawah tanggungjawabnya. Pentadbiran Kementerian menitikberatkan penyelarasan rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti dalam bidang penyelidikan, pembangunan, pengeluaran, perkhidmatan lanjutan dan pasaran yang dikelolakan oleh masing-masing Jabatan pelaksanaan dan Badan-badan Berkanun supaya aktiviti-aktiviti itu merupakan rancangan yang tersusun.

Untuk mencapai maksud tersebut, fungsi urusetiaan di Kementerian ini dibahagikan kepada pusat-pusat pengurusan kegiatan sebagai berikut:

- (a) **Bahagian Perancang dan Pembangunan:** Bahagian ini bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras dan mengarah pelaksanaan rancangan-rancangan dan projek-projek pembangunan menerusi Majlis Perancangan dan Pembangunan Kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan mengandungi semua Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Ketua-ketua Pentadbir Badan-badan Berkanun sebagai ahli. Bahagian ini ialah di bawah kelolaan Setiausaha Bahagian Perancang Pembangunan yang bertanggungjawab kepada Ketua Setiausaha Kementerian bagi penyeliaan kegiatan-kegiatan. Di bawah Bahagian ini terdapat empat cawangan seperti berikut:

Cawangan Pertanian bertanggungjawab untuk membolehkan petani-petani dan peladang-peladang membaiki

dan membaharui cara-cara pertanian, serta menggalakkan cara-cara yang berdasarkan perdagangan supaya boleh meninggikan darjah kehidupan mereka setanding dengan darjah kehidupan dalam bidang-bidang ekonomi yang lebih makmur.

Cawangan Kemajuan Sumber-sumber Alam bertanggungjawab untuk mengadakan peluang-peluang kerja di dalam perusahaan dan aktiviti-aktiviti pengeluaran dan pemasaran bagi membaiki serta meninggikan darjah kehidupan pekerja-pekerja yang sedang berada di dalam sektor perusahaan supaya setanding dengan kehidupan pekerja-pekerja di dalam bidang-bidang ekonomi yang lebih maju dan juga untuk berikhtiar mengekalkan sumber-sumber ini bagi masa hadapan.

Cawangan Analisa dan Nilai diketuai oleh ahli Ekonomi Kanan dan bertanggungjawab bagi perangkaan dan kajian ekonomi.

- (b) **Bahagian Pentadbiran** ialah di bawah kawalan Timbalan Ketua Setiausaha dan bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksanakan sistem kemajuan pentadbiran dan perancangan tenaga terlatih yang diperlukan oleh Jabatan-jabatan, Kementerian dan Badan-badan Berkanun. Bahagian ini juga ditugaskan dengan tanggungjawab pemilikan harta tetap bagi kegunaan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kementerian serta menasihatkan Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian tentang peraturan bagi pemilikan harta tetap; serta penyeliaan segala perkhidmatan bersama di dalam bidang Perhubungan Raya, Penerbitan dan Perpustakaan bagi keseluruhan Kementerian.

Satu Cawangan khas di bawah Ketua Pegawai Penguatkuasa di dalam Bahagian ini mentadbir dan menguatkuasakan Akta kawalan penyewaan tanah bendang.

Cawangan Rancangan Kemubu dan Besut bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan melaksanakan rancangan-rancangan pengairan di daerah-daerah itu.

- (c) **Bahagian Pentadbiran Kewangan** bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan merancang belanjawan bagi seluruh Kementerian; menyelia dan mengawal perbelanjaan dan pentadbiran kewangan termasuk cara dan sistem penyimpan wang yang diterima dan penyimpan kira-kira kewangan; dan mengawasi pesanan bekalan dan simpanan barang-barang dan setor bukan sahaja di Kementerian tetapi juga di Bahagian-bahagian Kementerian dan Badan-badan Berkanun. Bahagian ini juga bertanggungjawab bagi mengulangkaji bayaran-bayaran dan hasil yang diperolehi daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan. Bahagian Pentadbiran Kewangan ini di kelolakan oleh Ketua Penolong Setiausaha (Kewangan). Sebagai Pejabat Mengakaun Sendiri, Ibu Pejabat Kementerian mempunyai Cawangan Akauntan Perbendaharaan yang bertanggungjawab bagi segala pembayaran yang dibuat oleh Kementerian dan Jabatan di bawah Kementerian dan penyimpan kira-kira kewangan. Cawangan ini terletak di bawah Bahagian ini.

dan membaharui cara-cara pertanian, serta menggalakkan cara-cara yang berdasarkan perdagangan supaya boleh meninggikan darjah kehidupan mereka setanding dengan darjah kehidupan dalam bidang-bidang ekonomi yang lebih makmur.

Cawangan Kemajuan Sumber-sumber Alam bertanggungjawab untuk mengadakan peluang-peluang kerja di dalam perusahaan dan aktiviti-aktiviti pengeluaran dan pemasaran bagi membaiki serta meninggikan darjah kehidupan pekerja-pekerja yang sedang berada di dalam sektor perusahaan supaya setanding dengan kehidupan pekerja-pekerja di dalam bidang-bidang ekonomi yang lebih maju dan juga untuk berikhtiar mengekalkan sumber-sumber ini bagi masa hadapan.

*Cawangan Analisa dan Nilai*an diketuai oleh ahli Ekonomi Kanan dan bertanggungjawab bagi perangkaan dan kajian ekonomi.

- (b) **Bahagian Pentadbiran** ialah di bawah kawalan Timbalan Ketua Setiausaha dan bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan melaksanakan sistem kemajuan pentadbiran dan perancangan tenaga terlatih yang diperlukan oleh Jabatan-jabatan, Kementerian dan Badan-badan Berkanun. Bahagian ini juga ditugaskan dengan tanggungjawab pemilikan harta tetap bagi kegunaan Kementerian dan Jabatan-jabatan Kementerian serta menasihatkan Badan-badan Berkanun di bawah Kementerian tentang peraturan bagi pemilikan harta tetap; serta penyeliaan segala perkhidmatan bersama di dalam bidang Perhubungan Raya, Penerbitan dan Perpustakaan bagi keseluruhan Kementerian.

Satu Cawangan khas di bawah Ketua Pegawai Penguatkuasa di dalam Bahagian ini mentadbir dan menguatkuasakan Akta kawalan penyewaan tanah bendang.

Cawangan Rancangan Kemubu dan Besut bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan melaksanakan rancangan-rancangan pengairan di daerah-daerah itu.

- (c) **Bahagian Pentadbiran Kewangan** bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan merancang belanjawan bagi seluruh Kementerian; menyelia dan mengawal perbelanjaan dan pentadbiran kewangan termasuk cara dan sistem penyimpan wang yang diterima dan menyimpan kira-kira kewangan; dan mengawasi pesanan bekalan dan simpanan barang-barang dan setor bukan sahaja di Kementerian tetapi juga di Bahagian-bahagian Kementerian dan Badan-badan Berkanun. Bahagian ini juga bertanggungjawab bagi mengulangkaji bayaran-bayaran dan hasil yang diperolehi daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan. Bahagian Pentadbiran Kewangan ini di-kelolakan oleh Ketua Penolong Setiausaha (Kewangan). Sebagai Pejabat Mengakaun Sendiri, Ibu Pejabat Kementerian mempunyai Cawangan Akauntan Perbendaharaan yang bertanggungjawab bagi segala pembayaran yang dibuat oleh Kementerian dan Jabatan di bawah Kementerian dan menyimpan kira-kira kewangan. Cawangan ini terletak di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN PERTANIAN

Bahagian Pertanian ditubuhkan dengan tujuan:

- (a) Melatih lebih ramai peserta-peserta di samping membaiki dan meluaskan latihan-latihan pertanian di kalangan pegawai-pegawai teknik bagi tujuan perkembangan, penyelidikan dan rancangan pemeriksaan untuk membaiki kecekapan petani-petani supaya hasil-hasil pertanian meningkat.
- (b) Menggalakkan petani-petani mengamalkan corak pertanian moden dan cuba mempelbagaikan pertanian untuk menghasilkan bahan-bahan mentah sesuai bagi perindustrian dan eksport untuk menegohkan asas ekonomi negara.
- (c) Memajukan perkembangan pertanian, menubuhkan perkhidmatan perlindungan tanaman dan memajukan corak pengeluaran bagi mengguna unsur-unsur negara dengan cara yang paling ekonomi.

Matlamat-matlamat tersebut dicapai menerusi Cawangan-cawangan yang telah dibentuk di bawah Jabatan tersebut. Projek-projek utama Jabatan ini ialah Rancangan Bantuan Ladang, Pengeluaran Tanaman, Rancangan Menanam Semula dan Memuleh Kelapa dan Instituti Pertanian. Kelicinan pelaksanaannya disokong oleh cawangan-cawangan perkembangan, pengeluaran tanaman, pemeliharaan tanaman dan pentadbiran. Peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kedua ialah \$54.8 juta.

KEMAJUAN DAN KEJAYAAN

Rancangan Bantuan Tanaman Ladang: Peruntukan bagi rancangan ini di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah 15 juta ringgit. Bantuan ini disalurkan kepada negeri-negeri di seluruh negara bagi menggalakkan rakyat bertani dengan cara yang teratur. Bantuan ini diberikan bagi berbagai jenis tanaman dengan peruntukan-peruntukan tertentu. Mulai tahun ini 1974, sebanyak 10 peratus dari peruntukan iaitu 461,000 ringgit telah dikhaskan bagi menggalak pertubuhan-pertubuhan seperti Persatuan-persatuan Belia, Perkumpulan Wanita, dan lain-lain dalam usaha

mengurangkan beban rakyat menghadapi inflasi. Kementerian berharap, melalui rancangan ini lebih banyak lagi bahan-bahan makanan dikeluarkan untuk keperluan rakyat.



Satu pemandangan petani-petani sedang mengetam hasil padi mereka.

Institusi Pertanian: Malaysia memerlukan kira-kira 2,000 orang juruteknik pertanian di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Satu-satunya usaha yang diambil bagi memenuhi keperluan ini ialah dengan menambahkan bilangan Institusi-institusi untuk mengeluarkan tenaga pekerja tersebut. Bagi tujuan ini Kementerian membina tiga buah lagi Instituti Pertanian iaitu di Titi Gantung Perak, Air Hitam Johor dan Besut Trengganu. Instituti di Titi Gantung telahpun siap dan mula digunakan manakala Instituti Air Hitam dijadual digunakan dalam pertengahan bulan Jun 1974. Usaha-usaha membina Instituti Besut sedang dijalankan, dan dijangka siap tahun 1975. Pembinaan Instituti-institusi ini ialah dengan kerjasama Bank Dunia dengan peruntukan 11.2 juta ringgit. Pada masa ini terdapat tiga buah Instituti iaitu di Serdang, Bumbung Lima dan Kuala Lipis.



Usaha usaha menjenterakan ladang adalah satu-satunya usaha yang digalakkan oleh Kementerian.

Rancangan Menanam Semula/Pemulihan Kelapa: Matlamat Rancangan Malaysia Kedua ialah untuk menanam ataupun memulihkan kawasan kelapa seluas 50,000 ekar. Untuk melaksanakan rancangan ini, kawasan-kawasan kelapa dibahagikan kepada tiga iaitu Bahagian Barat (Perak, Pulau Pinang, Selangor), Bahagian Selatan (Johor, Melaka) dan Bahagian Timur (Kelantan, Trengganu). Antara tahun 1971-1973 seluas 5,803 ekar telah ditanam semula dan 22,491 ekar dipulihkan. Sejak tahun 1971, tanaman selangan koko disyaratkan bagi menyertai Rancangan ini. Matlamat rancangan ini ialah menyulam 20,000 ekar kawasan. Sehingga akhir tahun 1973 seluas 9,684 ekar telah disulam dengan koko. Perbelanjaan bagi projek ini ialah 15 juta ringgit.

Cawangan Pengeluaran Tanaman: Peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kedua ialah 6 juta ringgit. Tahun ini berbagai jenis benih terus dikeluarkan iaitu; 240,000 gantang padi, 300,000

kelapa sawit, 40,000 anak pokok, 50,000 paun jagung, 30,000 paun kacang tanah, 1,000 paun kacang soya, 100,000 paun halia, 200 paun sayur-sayuran, 350,000 kelapa. Satu rancangan segera juga diadakan untuk menghadapi inflasi. 68,800 bungkus benih telah diedarkan dalam bulan Mac/April 1974. 140,000 lagi diedarkan dalam bulan Jun/Julai.



Hasil padi yang lumayan diperolehi dari teknik--teknik pertanian yang sempurna.

BAHAGIAN PERIKANAN

Matlamat utama Jabatan ini ialah untuk memaju dan menggunakan sumber-sumber perikanan keperingkat maksima, mengadakan peluang-peluang pekerjaan, memodenkan perusahaan perikanan dan meninggikan taraf ekonomi dan sosial nelayan-nelayan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Bahagian ini dibahagikan kepada beberapa cawangan iaitu:

- (a) Cawangan Pembangunan dan Pentadbiran yang mengandungi Seksi Perancang dan Pembangunan, Seksi Gerakan dan Penguatkuasa, dan Seksi Perkembangan dan Latihan;
- (b) Cawangan Penyelidikan; dan
- (c) Cawangan Institiut Latihan Nelayan.

Bagi Semenanjung Malaysia, Anggaran Perbelanjaan sebanyak 20.4 juta telah diuntukkan kepada Jabatan ini dalam Rancangan Malaysia Kedua.


KEMAJUAN DAN KEJAYAAN

Latihan dan Pelajaran: Jabatan ini sekarang mempunyai empat buah pusat latihan, tiga darinya ialah untuk perikanan laut, dan satu bagi perikanan air tawar. Kesemuanya sekarang berjalan dengan sepenuhnya. Institiut Latihan Nelayan Batu Maung, Pulau Pinang, yang dibina dengan harga 10 juta ringgit telah mula mengambil 50 orang pelajar mulai tahun 1971, dan telahpun melahirkan Ketua-ketua bot pukot tunda dan pekerja-pekerja injin yang pertama pada penghujung tahun 1972. Pengambilan telah ditambah kepada 85 orang dalam tahun 1973. Kebanyakan dari lepasan Institiut ini bekerja dengan bot-bot Majuikan. Empat orang pelajar juga telah dihantar ke Jepun untuk melanjutkan pelajaran. Adalah diharapkan seramai 328 orang pelajar akan menerima latihan di Institiut ini di akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Pusat-pusat Latihan Perikanan Laut di Glugor, Pulau Pinang dan Seberang Takir Trengganu pula, mengadakan latihan-latihan jangka pendek di peringkat rendah bagi nelayan-nelayan. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua seramai 436 orang akan menerima latihan dari pusat-pusat ini. Pusat latihan ikan air tawar ialah di Bukit Tinggi, Bentong, Pahang. Seramai 980 orang akan diambil berlatih di sini. Di samping ini latihan dan demonstrasi juga diadakan untuk nelayan. Jabatan akan mengambil 1,216 orang untuk tujuan demikian di sepanjang Rancangan Malaysia Kedua.

Pelabuhan Perikanan: Projek terbesar Jabatan ini dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah membina tiga buah Kompleks Perikanan, yang akan menyediakan kemudahan-kemudahan pelabuhan, pendaratan ikan, bilik penyejuk, pasar borong dan lain-lain kemudahan asas. Tiap-tiap projek ini menelan belanja lebih sejuta ringgit. Kompleks-kompleks ini dibina di Kuala Kedah, Lumut dan Batu Maung. Kompleks di Lumut akan boleh digunakan akhir tahun 1974. Banyak jeti-jeti ikan dan lampu pelayaran juga telah siap dibina untuk kemudahan nelayan-nelayan. Dua buah lagi Kompleks, di Kuantan dan Kuala Trengganu sedang dirancang.

Persatuan Nelayan: Penyusunan masyarakat nelayan amat perlu bagi memastikan kemajuan. Untuk ini sebanyak 21 buah Persatuan Nelayan telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia manakala tiga di Sarawak. Sebanyak 15 buah lagi akan didirikan iaitu 11 di Semenanjung Malaysia dan 4 di Sarawak. Sehingga bulan Disember 1973 seramai 6,493 orang telah menjadi ahli. Usaha-usaha sedang diambil untuk menambah bilangan ini. Perlu diingat bahawa jumlah ini dikira dari jumlah kasar nelayan-nelayan di sesuatu kawasan, yang mana sebahagian telahpun menjadi ahli syarikat-syarikat kerjasama Nelayan. Bagi Persatuan-persatuan Nelayan Semenanjung Malaysia modal sebanyak \$137,230 telah dikumpulkan hingga bulan Mei 1973. Usaha-usaha juga sedang giat dijalankan bagi membina pejabat-pejabat bagi Persatuan-persatuan ini. Buat sementara waktu mereka menyewa pejabat ataupun ditempatkan di pejabat-pejabat perikanan. Aktiviti-aktiviti utama Persatuan-persatuan ini ialah menyelenggarakan kemudahan-kemudahan asas dan pemasaran.



Ikan-ikan yang ditangkap juga dijadikan ikan kering.

Bantuan Kewangan: Rancangan ini dimulakan sejak tahun 1971 di negeri-negeri pantai timur. Dalam tahun 1971 sebanyak \$14,638 telah dibelanjakan manakala \$348,638 dalam tahun 1972 dan \$94,864 dalam tahun 1973. Peruntukan tahun ini ialah \$410,777. Mulai tahun 1973 juga rancangan ini diperluaskan ke negeri-negeri pantai barat. Bantuan-bantuan yang diberikan merupakan alat-alat seperti pukuk-pukuk dan injin dalam. Bantuan ini khusus untuk nelayan-nelayan kecil dalam usaha memperbaiki nasib mereka.

Penguatkuasa Perikanan dan Bot Peronda: Dalam tahun 1971-1972 bahagian ini telah menambah pasukannya kepada 15 buah bagi mengendalikan masaalahnya. Sebagai tambahan 10 buah speed bot lagi telah dipesan yang mana 6 buah telah siap pada hujung tahun 1972 untuk digunakan bagi mencegah pergaduhan nelayan.

Perkembangan Kemudahan Penyelidikan: Dua projek besar iaitu pembinaan makmal penyelidik dan tempat penetasan Udang Galah, dan pembinaan kapal penyelidik perikanan telah siap.

Dengan siapnya projek-projek ini benih-benih udang-udang galah dapat dibahagi-bahagikan dan sumber-sumber perikanan di luar perairan Malaysia dapat diteroka dengan lebih berkesan.

Perkhidmatan Perkembangan Pembinaan: Projek membina "Stesyen memelihara Ikan Jitra" bernilai \$560,000 telah dilancarkan. Projek ini akan membekalkan anak-anak ikan air tawar terutama di kawasan Perairan Muda. Dua buah filem berkenaan perikanan bernilai \$30,000 juga telah siap untuk ditayangkan kepada nelayan-nelayan di kampung-kampung.

Bilangan Nelayan: Di negara ini terdapat kira-kira 69,185 orang nelayan, terdiri dari 38,532 orang Melayu, 29,878 Cina, 314 India dan 461 lain-lain. Jumlah bot-bot yang dilesen ialah 21,612. Dari jumlah tersebut 16,947 berjin manakala 4,665 tidak berjin. Jumlah alat-alat yang dilesen ialah 14,045, manakala tangkapan ialah 306,379 tan. Di bidang ikan air tawar, terdapat 8,110 buah kolam seluas 8,430 ekar. Angka-angka ini ialah bagi tahun 1972.

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (MAJUIKAN)

MAJUIKAN telah dibentuk bagi meninggikan taraf ekonomi dan keadilan sosial nelayan-nelayan, menambahkan pengeluaran ikan dan mengadakan peluang-peluang bekerja sambil menggalakkan perkembangan perusahaan-perusahaan yang berkaitan. Sejak ditubuhkan dalam tahun 1971, MAJUIKAN telahpun mengatur projek-projek bagi dilaksanakan. Bagi melaksanakan projek-projeknya, Majuikan telah diuntukkan sebanyak 15 juta ringgit dalam Rancangan Malaysia Kedua.

KEMAJUAN DAN KEJAYAAN

Pembinaan bot-bot: Projek utama Majuikan ialah membina empat jenis bot iaitu bot-bot pukat tunda, serbaguna, pukat jerut dan pengangkutan. Jumlah bot pukat tunda yang dibina disepanjang Rancangan Malaysia Kedua ialah 171, bot serbaguna 70, bot pukat jerut 5 dan bot pengangkutan 2. Setakat ini 16 buah bot pukat tunda telahpun dilancarkan di Pulau Langkawi, Kedah, 15 buah di Kuala Trengganu dan 5 buah di Tumpat, Kelantan. Adalah diharapkan pada pertengahan tahun ini (1974) 3 buah lagi dilancarkan di Pulau Langkawi, 7 buah di Kuala Trengganu dan 15 buah di Tumpat. Disamping ini sebuah bot pukat jerut telah dilancarkan di Pulau Pangkor manakala 4 buah lagi dilancarkan pada pertengahan tahun ini (1974). Pembinaan bot-bot lain di teruskan dalam tahun ini dan tahun hadapan. Wang kira-kira 10 juta ringgit diuntukkan bagi menjayakan projek ini.

Pembinaan Kilang Air Batu: Majuikan mempunyai tiga projek iaitu di Kuala Perlis, Kuantan dan Batu Maung, Pulau Pinang. Kilang Air Batu di Kuala Perlis sekarang hampir siap dan mula dicuba dalam bulan Mei 1974. Pengeluaran akan bermula pada bulan Jun. Projek-projek di Kuantan dan Batu Maung telah bermula dalam tahun ini. Tiap-tiap Kilang ini akan mengeluarkan 50 tan air batu sehari. Peruntukan perbelanjaan ialah 1.45 juta ringgit.

Kilang Memproses Udang/Ikan: Tiga buah kilang akan didirikan iaitu di Kuala Kedah, Kuala Trengganu dan Johor Bahru. Pembinaan di Kuala Kedah dan Kuala Trengganu sedang berjalan. Kilang di Kuala Kedah dijangka mula bergerak dalam bulan Ogos manakala di Kuala Trengganu pada bulan Oktober. Peruntukan ialah 1.2 juta ringgit.



Hasil tangkapan nelayan yang menjadi punca protin utama di negara ini.

Projek Pemasaran Ikan: Pemasaran merupakan masalah besar bagi nelayan-nelayan bagi mendapat bayaran yang wajar. Rancangan-rancangan telahpun diluluskan di pusat-pusat perikanan seluruh negara. Hingga ini pelaksanaan telahpun bermula di Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, Pulau Redang di Kuala Trengganu. Lain-lain tempat akan dilaksanakan tahun ini dan tahun hadapan.

Projek Perniagaan Borong Ikan: Sebanyak enam tempat telah dipilih dan setakat ini perniagaan telahpun bermula di Kuala Lumpur. Tempat-tempat lain dijalankan tahun ini dan tahun hadapan.

Projek Menguatkuasa Pasaran Ikan: Projek ini telahpun bermula di tiga tempat iaitu di Ipoh, Kuala Lumpur dan Kuala Trengganu dan akan diteruskan ke lain-lain bandar dan pusat-pusat perikanan yang perlu tahun ini ataupun tahun hadapan.

BAHAGIAN PERKHIDMATAN HAIWAN

Peranan Utama Bahagian Perkhidmatan Haiwan ialah mengujudkan perkhidmatan kesihatan binatang-binatang yang cekap untuk menggalakkan perkembangan perusahaan berbagai ternakan di negara ini. Matlamat utama bahagian ini adalah:

- (a) Mengadakan perkhidmatan haiwan yang lebih cekap
- (b) Memperbaiki mutu dan menambahkan penghasilan ternakan Malaysia dan
- (c) Menggalakkan pengekalan dan penambahan semua jenis ternakan bagi memenuhi kehendak-kehendak daging, susu, ayam itik dan telur dari sumber-sumbernya sendiri, keperluan pertanian bagi binatang membajak dan menjaga kesuburan tanah, keperluan bagi tambahan perotin dan lemak-lemak binatang dalam makanan penduduk-penduduk tempatan.

Dalam melaksanakan matlamat ini aktibiti-aktibiti Bahagian Perkhidmatan Haiwan telah dibahagi dan dikendalikan oleh seksi-seksi, pentadbiran, pengeluaran ternakkan, kawalan dan latihan. Peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kedua ialah \$16.9 juta.

KEMAJUAN

Rancangan ternakan: Projek utama Jabatan ini ialah rancangan ternakan, kerbau, lembu, ayam itik dan juga babi. Projek ini dijalankan secara pawah. Dalam tahun 1972/73 sebanyak 2,800 ekor lembu, 1,000 ekor kerbau 86,500 ekor ayam telah dibahagikan kepada petani-petani dan peladang-peladang dalam usaha menambahkan pendapatan mereka. Kira-kira 6 juta ringgit diuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Institusi Penyelidikan Haiwan Ipoh: Instituti ini terus mengeluarkan kira-kira 106 juta dose ubat (vaccine) ayam itik dan 63,000 dose ubat lembu setahun. Ubat-ubat ini digunakan bagi

menentang penyakit-penyakit bukan sahaja di Malaysia bahkan juga di Hong Kong dan Brunei.

Perkhidmatan Permanian Beradas: Dalam usaha membaiki mutu pengeluaran lembu 15 buah pusat permanian beradas telah didirikan. Di samping itu sebanyak 230 ekor lembu baka telah diimpot dari Amerika dan Indonesia untuk dibiakkan di negara ini. Peruntukan bagi tujuan perkhidmatan ini di bawah Rancangan Malaysia Kedua iaitu 600,000 ringgit. Disamping ini padang-padang rumput juga diadakan.

Dalam rancangan-rancangan akan datang usaha-usaha pengeluaran lembu dan daging akan lebih dititikberatkan. Lebih banyak baka-baka lembu mutu tinggi akan diimpot. Kemudahan untuk menentukan penyakit-penyakit, rawatan dan kawalan binatang akan diperluas. Dengan penubuhan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara, sistem sembelih untuk negara dapat disusun dan dipesatkan dan ternakan cara perusahaan dijalankan supaya dapat menghasilkan lebih banyak daging dan susu.

LEMBAGA KEMAJUAN TERNAKAN NEGARA (MAJUTERNAK)

MAJUTERNAK telah ditubuhkan dalam tahun 1971 untuk menggalak dan memajukan pengurusan perusahaan ternakan di negara ini bagi mencapai kemajuan yang lebih cepat. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Majuternak di untukkan wang sebanyak 37 juta ringgit.

KEMAJUAN

Setakat ini Majuternak telahpun menetapkan bagi mengadakan tujuh rancangan ternakan daging dan susu. Rancangan-rancangan itu ialah di Behrang (Perak) Jelai-Gemas (Negeri Sembilan) Tersat (Trengganu) Padang Hijau (Johor) Air Hitam (Johor) Ulu Lepar (Pahang) dan Miri-Bintulu (Sarawak). Projek-projek ini dilaksanakan di kawasan antara 2,000 hingga 5,000 ekar. Jumlah kawasan bagi projek-projek ini ialah 30,600 ekar. Tiap-tiap projek ini berharga kira-kira 3.8 juta ringgit.

Hingga tahun 1973, 8,076 ekar telahpun dibersehkan di mana 3,596 ditanam rumput, dan 2,000 binatang ditempatkan. Dalam tahun ini, 1974, jumlah kawasan diperluas kepada 13,700 ekar di mana 12,500 ekar ditanam rumput dan 9,500 binatang ditempatkan untuk dibiak. Kementerian telahpun mengambil langkah-langkah perlu bagi mendapatkan baka-baka lembu yang baik dari luar negeri terutama Amerika dan Indonesia.

Selain dari projek-projek tersebut Majuternak juga mendirikan sebuah Rumah Sembelih Pusat yang moden di Batu Tiga, berharga lebih dari 11 juta ringgit. Pembinaan Rumah Sembelih ini adalah dengan kerjasama negara Denmark. Rumah Sembelih ini telahpun siap dan sedang diuji. Dengan siapnya Rumah Sembelih ini, semua rumah-rumah sembelih di Selangor dan Negri Sembilan telah ditutup. Pengedaran daging di negeri-negeri ini dikendalikan oleh Majuternak.

Bagi melicinkan projek ini sebuah Pusat Pembahagi Daging telah didirikan di Senawang Negri Sembilan dengan harga 1.2 juta ringgit.

BAHAGIAN PARIT DAN TALIAIR

Jabatan Parit dan Taliair telah ditubuhkan dalam tahun 1932. Matlamat Jabatan ini ialah untuk menyediakan perkhidmatan kejuruteraan yang perlu bagi memastikan kemajuan teratur dalam usaha meninggikan taraf hidup petani-petani.

Bagi mencapai matlamat tersebut, Jabatan ini menggerakkan fungsi-fungsinya menerusi cawangan-cawangan Utara dan Selatan, Perancangan, Rekabentuk, Penyelidikan Latihan dan Haidroloji, Cawangan Mekanik, Cawangan Muda/Kemubu/Besut dan Pentadbiran Ibu Pejabat.

KEMAJUAN DAN KEJAYAAN

Sejajar dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, rancangan Kemajuan Jabatan ini ditumpukan kepada pengairan, saluran, kawalan banjir dan lain-lain perkhidmatan berkaitan. Peruntukan Jabatan ini dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah 235 juta ringgit. Antara projek-projek utamanya ialah:

- (a) **Rancangan Pengairan Muda, Kedah:** Rancangan menelan belanja 228 juta ringgit melibatkan kawasan seluas 260,000 ekar. Setakat ini kawasan bendang seluas 210,000 telahpun ditanam dua kali setahun. Seluruh Kawasan dijangka ditanam dua kali setahun tahun depan.
- (b) **Rancangan Kemubu, Kelantan:** Rancangan ini berharga 75 juta ringgit meliputi kawasan seluas 82,000 ekar dalam mana 47,000 ekar terdiri dari sawah padi, yang dahulu bergantung kepada air hujan. Projek ini telahpun siap. Bagi tahun 1972, 30,000 ekar telah ditanam dua kali setahun. Keseluruhan kawasan tersebut akan ditanam dua kali setahun dalam tahun ini, 1974.

- (c) **Rancangan Pengairan Besut:** Rancangan ini berharga 16 juta ringgit yang melibatkan kawasan 12,000 ekar yang sekarang bergantung kepada air hujan. Kerja-kerja membina sedang berjalan dan dijangka siap pada akhir tahun ini, 1974.

Rancangan Pengairan Muda ditadbirkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda manakala Rancangan Pertanian Kemubu dan Besut ditadbirkan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu.

Projek Saliran Pinggan: Kemudahan-kemudahan saluran telah siap bagi kawasan seluas 10,700 ekar tanah pertanian yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Adalah dicadangkan untuk menambahkan fizikal target dari 10,700 ekar kepada 18,000 ekar di bawah Rancangan Malaysia itu. Anggaran peruntukan rancangan ini ialah 1.5 juta ringgit.

Projek Saliran Kesang: Kerja telah siap bagi menyediakan kemudahan saluran bagi 5,000 ekar tanah pertanian yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Adalah dicadangkan untuk menambahkan fizikal target dari 5,000 ekar kepada 8,000 ekar. Belanja rancangan ialah 3.6 juta ringgit.

Projek Saliran Seberang Perak (Trans Perak) (Peringkat II & III): Lebih kurang 24,000 ekar hutan dan tanah paya akan dibekalkan dengan kemudahan saluran di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Di akhir tahun 1973, kerja-kerja saluran telah siap bagi sejumlah 16,200 ekar tanah, dengan belanja 11.3 juta ringgit.

Sistem Amaran Banjir: Pada masa ini, alat-alat bagi sistem amaran banjir telah dibeli dan dipasang untuk Lembangan Sungai Kelantan, Trengganu dan Perak. Sistem-sistem ini berjalan sepenuhnya. Kerja-kerja utama sistem untuk Lembangan Sungai

Pahang telah disiapkan dalam tahun 1973, dan keseluruhan projek ini dijadualkan siap dalam pertengahan tahun 1974.

Kerja ini telah dimulakan pada pertengahan tahun 1972 dan pada akhir tahun tersebut juga pengumpulan data permulaan telah disiapkan.

Dalam masa tiga tahun yang lepas Rancangan Malaysia Yang Kedua ini, sebahagian besar kerja-kerja telah disiapkan mengenai pengkajian kemungkinan Projek Johor Barat, dan Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur. Adalah diharapkan kerja-kerja pembinaan bagi kedua-dua rancangan besar itu akan dapat dilaksanakan dalam masa Rancangan Malaysia Yang Kedua.

Rancangan-rancangan Kecil: Di samping mengadakan rancangan-rancangan besar, Kementerian ini juga mengadakan rancangan-rancangan parit dan taliair kecil. Rancangan ini diusahakan oleh petani-petani sendiri secara gotong-royong. Tujuan utamanya ialah untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada petani-petani sambil membolehkan mereka mendapat habuan dari kerja-kerja gotong-royong itu. Dalam tahun 1973 wang sejumlah lebih dari 3 juta ringgit telah dibelanjakan bagi 276 rancangan untuk kawasan lebih dari 30 ribu ekar. Bagi tahun 1974, wang sebanyak 2.5 juta ringgit telah diuntukkan, bagi 263 rancangan untuk kawasan lebih dari 40,000 ekar.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

FAMA ditubuhkan pada 30hb September, 1965 dengan tujuan memperbaiki pemasaran hasil-hasil pertanian, menambahkan peluang-peluang bekerja, menggalakkan perkembangan ekonomi pertanian dan menentukan penyertaan Bumiputra dalam rancangannya.

Tujuan ini dicapai menerusi kegiatan-kegiatan lima Bahagian iaitu, Pentadbiran dan Kewangan, Perancangan dan Penilaian, Penyelidikan dan Pembangunan Kemajuan dan Perkhidmatan Pasaran dan Odit.

Akta FAMA 1965 telahpun dipinda bagi membolehkan FAMA melibatkan diri di bidang kegiatan pembangunan dengan lebih pesat lagi.

KEMAJUAN DAN KEJAYAAN

Pemasaran Padi/Beras: Hingga akhir tahun 1971, FAMA telah mengadakan 10 rancangan pemasaran padi di semua kawasan utama padi Semenanjung Malaysia kecuali di Negeri Sembilan dan Johor. 3 rancangan pemasaran di daerah Tanjong Karang/Sabak Bernam, Kedah/Perlis dan Peringat Kelantan merupakan rancangan perniagaan di mana telah didirikan kompleks mengering dan mengilang padi, sementara yang lain-lain masih dalam rancangan kawalan. Peruntukan bagi rancangan ini ialah lebih dari 28 juta ringgit.

Mulai 1hb Januari, 1972, Lembaga Padi dan Beras Negara telah mengambilalih semua tanggungjawab mengenai pemasaran Padi/Beras dalam negeri ini.

Pemasaran Ikan: Dalam membaiki pemasaran ikan, Jemaah Pemasaran Ikan telah ditubuhkan di bawah Akta FAMA. Jemaah ini berkuasa mengawas/mengawal penjualan borong ikan. Ketika

ini dua rancangan perlesenan telah dilancarkan iaitu di Kuala Lumpur dan Ipoh.

Dua buah Syarikat juga ditubuhkan. Satu ialah Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia. Saham Syarikat ini diuntukkan 30% kepada nelayan, 30% Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia, 20% kepada tuan-tuan bot dan 20% kepada peniaga ikan. Kedua Syarikat Pertama Trengganu Sdn. Berhad, untuk memproses ikan. Sekarang rancangan ini diserahkan di bawah urusan Majuikan.

Pemasaran Kopi: Untuk membaiki pemasaran kopi, satu rancangan Pemasaran Kopi telah ditetapkan di Selangor. Rancangan ini berupa dua corak iaitu Rancangan Pelesenan dan Rancangan Perniagaan yang dikawal oleh Jemaah Pemasaran Hasil-hasil Pertanian, dalam mana semua pekebun dan peniaga buah dan biji-biji kopi dilesen.

Jemaah juga telah mengambil bahagian dalam memperniaga dan memproses biji-biji kopi. Sebuah pusat memprosesnya telah siap dibina di Kancong Darat, Kuala Langat. Pusat ini sedang diperluaskan untuk mengilang serbok kopi. Kerja-kerja dijangka siap akhir tahun ini. Perbelanjaan untuk pusat ini ialah \$206,000.

Pemasaran Lada Hitam: Rancangan Pemasaran Lada Hitam telah dilaksanakan oleh Jemaah Pemasaran Lada Hitam pada 1hb Mac, 1972. Di bawah Rancangan ini peniaga dan penyimpan lada hitam dilesen dan lada hitam digredkan untuk diekspot.

Pusat menggred dan memproses lada hitam sedang didirikan di Kuching, Sarikei dan Johor Bahru dan dijangkakan siap pada hujung tahun 1975, dengan belanja 5.9 juta ringgit.

Pemasaran Kelapa: Rancangan ini dikuatkuasakan mulai 1hb Mei, 1973, meliputi negeri-negeri Johor, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Seberang Prai, Kelantan dan Trengganu. Di samping ini FAMA juga mendirikan tiga buah pusat memproses Kelapa Kering di Hilir Perak, Sabak Bernam dan Batu Pahat.

Pembinaan tiap-tiap pusat ini dianggarkan berharga antara \$180,000-\$200,000. Pusat-pusat di Sabak Bernam dan Hilir Perak sedang dibina dan siap dalam tahun ini.

Lain-lain: Di samping projek-projek itu, FAMA juga mempunyai rancangan-rancangan untuk kacang tanah, jagung dan koko.

Mengatur Pemasaran: Pada awal tahun 1972 satu perkhidmatan pemasaran bagi membantu petani dan pengeluar hasil-hasil pertanian kecil telah dijalankan. Sebuah pejabat FAMA wilayah telah dibina di Kuala Trengganu dan pejabat FAMA Negeri juga diadakan di Kota Bharu, Kuantan, Kangar, Alor Setar, Butterworth, Ipoh, Melaka dan Johor Bahru. Rancangan Perniagaan Hasil-hasil Pertanian telah dimulakan sejak tahun 1973 dengan pemindaan Akta FAMA.

Memajukan Pasaran dan Perisikan: Tujuan utama rancangan ialah menambah permintaan bagi barang/barangan yang tertentu. Dalam memajukan pasaran, FAMA telah mengutip dan menganalisa maklumat-maklumat harga barangan di semua peringkat penyiasatan mengenai penawaran dan permintaan.

Kempen Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan: Kempen lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan telah dilancarkan pada tahun 1968. Mulai tahun 1972 kempen ini dilipatgandakan. Berbagai-bagai kegiatan seperti peraduan menulis cogan kata, melukis poster, memasak dan pameran buah-buahan tempatan telah dijalankan. Kempen ini telah memberi kesan-kesan yang baik dan menggalakkan.

INSTITIUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

Institiut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau lebih dikenali dengan MARDI, ditubuhkan pada 26hb Oktober, 1969, untuk menyelenggarakan kegiatan-kegiatan penyelidikan terhadap segala jenis tanaman kecuali getah.

KEGIATAN, KEMAJUAN DAN KEJAYAAN

Kegiatan-kegiatan penyelidikan utama yang sedang dijalankan oleh bahagian-bahagian adalah seperti berikut:

Kemajuan tumbuhan: (Penyelidikan)

- (a) Padi—Penyelidikan bagi pengeluaran jenis padi jangka pendek untuk tanaman dua kali.

Kemajuan tumbuhan: (Penyelidikan)—

- (i) Mengeluarkan jenis-jenis yang mempunyai kekuatan menahan daripada serangga belastula, kuman hawar daun dan virus penyakit Merah.
- (ii) Kerja-kerja pengacokan, pemilihan dan percubaan daripada keturunan benih.
- (iii) Penapisan Penyakit untuk penolakan dan pengenakan baka yang baik.
- (iv) Pengkajian zat-zat makanan untuk tumbuh-tumbuhan.

(b) Kelapa Sawit—

- (i) Percubaan atas benih-benih yang didapati daripada kacokan baka daripada jenis-jenisnya, untuk mengetahui kelapa sawit yang baik bagi pengeluaran baka-baka yang bagus.
- (ii) Kajian-kajian Fisiologi berkenaan dengan proses bilakah tandan-tandan kelapa sawit menjadi tua.

- (iii) Penyelidikan untuk mendapatkan minyak yang lebih dan mutu yang tinggi dari tiap-tiap tandan yang diambil daripada peringkat-peringkat yang tertentu.

(c) Koko—

- (i) Percubaan atas penjenisan koko.
- (ii) Kajian tentang penyakit-penyakit koko.
- (iii) Kajian-kajian berkenaan kesan-kesan asam atas koko.

(d) Sayor-sayor dan kacang—

- (i) Kajian-kajian atas tomato, ubi kentang, kacang manis, kacang tanah dan kacang soya.
- (ii) Mengenal benih ubi kentang yang dibawa dari Netherlands yang telah khas dibiakkan untuk iklim tropika.
- (iii) Kajian-kajian penyakit dan musuh tumbuh-tumbuhan di atas ini.
- (iv) Kajian baja di atas tumbuh-tumbuhan ini.

(e) Rampai—

- (i) Penyelidikan makanan untuk ternakan.
- (ii) Penilaian dari beberapa jenis tanaman makanan perusahaan ternakan.

(f) Makanan biji-bijian—

- (i) Mendapat jenis sekoi dan betari yang mempunyai hasil yang baik.
- (ii) Kajian berkenaan keperluan baja dan air.
- (iii) Kajian tentang kawalan penyakit.

(g) Tumbuhan minuman—

- (i) Kajian berkenaan teh dan kopi.

(h) Tebu—

- (i) Penapisan penjenisan tebu dari luar negeri.
- (ii) Kajian untuk mengadakan keperluan-keperluan yang maksima untuk pengeluaran ini.

(i) Buah-buahan—

- (i) Kajian atas pisang, papaya, buah citrus tentang percubaan-percubaan jenis.

Kemajuan Ternakan:

- (i) Kajian permulaan atas zat makanan dan pengurusan ternakan itik dan ayam.

Tanah, air dan Kejuruteraan:

- (i) Kajian atas keperluan-keperluan baja termasuk unsur-unsur kecil untuk pelbagai tumbuhan atas tanah gambut.
- (ii) Penyelidikan kesuburan tanah pasir (bris) untuk pengeluaran tumbuhan pilihan.

Ekonomi dan Statistik:

- (i) Satu kajian tentang peluang-peluang pengeluaran beras yang mencukupi bagi Malaysia Barat.
- (ii) Kajian keluasan tanah yang cukup bagi kawasan padi.
- (iii) Kajian atas teknologi baru atas penanam-penanam padi dan menentukan modal dalam pengeluaran padi.
- (iv) Menentukan pesanan-pesanan kelapa sawit di pasaran dunia serta pemasaran minyak kelapa sawit.
- (v) Kajian tentang pencantuman ekonomi pekebun-pekebun kecil koko/kelapa sawit.

Keselamatan Tumbuhan:

- (i) Penyelidikan dalam hal ehwal kuman, cendawan, kuman halus (virus) yang boleh mendatangkan penyakit pokok-pokok.

- (ii) Menapis pokok yang boleh menahan dari penyakit-penyakit.
- (iii) Penyelidikan tentang serangga dan mengkaji teknik-teknik mencegahnya.
- (iv) Kajian tentang rancangan dan rampai terutama sekali pihak berkenaan penilaian dan kekuatan ubat-ubat.

KEGIATAN MARDI DALAM MASA-MASA YANG AKAN DATANG

MARDI akan menjalankan kajian kemungkinan menanam buah-buahan iklim sederhana seperti anggor, apple, peaches di Cameron Highlands dan di tempat-tempat lain.

Kajian telah dibuat untuk menanam anggor di Malaysia terutama sekali di Utara Semenanjung Malaysia yang iklimnya hampir sama dengan Negara Thailand, di mana anggor tumbuh dengan begitu subur. Di tempat-tempat tani, percubaan menunjukkan anggor dapat hidup dengan subur seperti di Sungai Baging dan Bt. Frazer.

MARDI akan menjalankan penyelidikan terhadap kelapa sawit untuk menentukan mutu lapisan minyak, pecahan minyak dan kegunaan minyak tersebut.

Menentukan tanam-tanaman yang sesuai untuk ditanam oleh peneroka-peneroka FELDA untuk menambahkan lagi pendapatan mereka, seperti tanaman ladang jangka pendek dan buah-buahan yang tidak sesuai seperti sayuran, umpama cili.

Menjalankan penyelidikan Cash Crop seperti ubi kayu, tembakau, jagung dan mangga.

Akan mengambil alih semua pusat penyelidikan pertanian di bawah Jabatan Pertanian Persekutuan, supaya dapat diselaraskan lagi usaha penyelidikan.

BAHAGIAN KAJITEKNIK MAKANAN

Jabatan Kajiteknik Makanan telah ditubuhkan pada bulan Julai 1966. Ini adalah projek bersama Kerajaan Malaysia dan Badan Tabung Khas Bangsa-bangsa Bersatu dengan Pertubuhan Makanan Se Dunia sebagai badan yang menyelenggarakannya. Dengan tamatnya rancangan bantuan Bangsa-bangsa Bersatu pada 4hb Oktober, 1972. Bahagian ini adalah dikendalikan sepenuhnya oleh Kerajaan.

KEMAJUAN DAN KEJAYAAN

Tinjauan dan kajian-kajian awal adalah mustahak dalam sesuatu rancangan penyelidikan. Perkembangan penyelidikan dibilik-bilik makmal di Pusat ini adalah bertujuan untuk memastikan samada bahan-bahan mentah dari hasil-hasil pertanian, perikanan dan ternakan sesuai untuk diperoses dan mencari cara-cara dan teknik pengeluaran menjadi makanan dan makanan ternakan. Latihan, perkembangan dan perkhidmatan nasihat adalah merupakan pelajaran kepada penduduk-penduduk luar bandar, badan-badan kerajaan dan lain-lain institusi seperti Persatuan-persatuan Peladang, Badan-badan Kemajuan Negeri dan FIMA.

Pusat ini mempunyai stesyen memproses buah-buahan dan sayur-sayuran di Tampoi Johor dan satu lagi untuk memproses ikan di Kuala Trengganu. Dua lagi stesyen juga didirikan di Alor Setar. Stesyen-stesyen ini ialah untuk memproses hasil-hasil ternakan dan telur dan satu lagi untuk memproses beras dan makanan ternakan. Unit fish meal akan didirikan di stesyen memproses ikan di Kuala Trengganu. Satu stesyen memproses kanji dan gula akan didirikan di Kuala Kangsar, Perak dan stesyen memproses beras akan dibesarkan lagi untuk menampung unit minyak dekak. Stesyen-stesyen ini akan didirikan dengan tujuan untuk memperhebatkan lebih banyak penyelidikan dan perkembangan aktiviti-aktiviti dalam bentuk perdagangan. Data-data yang akan diperolehi dari aktiviti-aktiviti tersebut akan memperlihatkan kemungkinan samada perusahaan-perusahaan memproses bahan-bahan mentah pertanian boleh dilakukan atau tidak.

JABATAN MERGASETUA

Pengawasan serta pembiakkan tiap-tiap jenis hidupan liar yang telah direkodkan untuk menjamin kehidupan yang berterusan di samping menyelamatkan tanam-tanaman, nyawa serta hartabenda dari kerosakan mereka, adalah menjadi matlamat utama Jabatan ini.

Matlamat tersebut diusahakan menerusi lima bahagian iaitu Pentadbiran, Penguatkuasaan Undang-undang, Penyelidikan, Simpanan Mergasetua dan Taman-taman Negara dan Latihan dan Pelajaran.

KEMAJUAN DAN KEJAYAAN.

Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972: Kejayaan utama Jabatan Mergasetua Malaysia Barat dalam tahun-tahun yang lalu ialah kelulusan dan pelaksanaan Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972. Dengan kelulusan Akta ini Jabatan-jabatan Mergasetua Semenanjung Malaysia dapat dipusatkan. Tujuh buah negeri telah bersetuju menerima pelaksanaan Akta ini. Penguatkuasaan Undang-undang ini berjalan dengan lancar dan telah melahirkan banyak kejayaan. Penguatkuasaan Undang-undang berkait rapat dengan perlesenan. Bilangan lesen yang dikeluarkan telah bertambah dalam beberapa tahun lepas.

Taman Negara: Taman Negara sekarang mempunyai 32 buah katil dalam chalet-chalet dan Rumah Rihat, dan sejumlah 40 buah katil lagi di Asrama. Untuk faedah hidupan liar, padang tumbuh-tumbuhan bagi makanan hidupan liar sentiasa diurus dan dibesarkan. Kemudahan-kemudahan ini ialah bagi pelancang-pelancang.

Projek Pemindahan Gajah: Banyak cadangan-cadangan dibuat untuk mengekalkan hidupan liar. Antara yang paling mustahak ialah Projek Pemindahan Gajah. Jabatan ini bercadang menangkap gajah-gajah yang suka merusakkan tanaman dan hartabenda dan memindahkannya ke Taman-taman Negara dan Simpanan Mergasetua. Kemudian sebahagian dari binatang-binatang ini akan

dihantar ke Taman Binatang digunakan untuk kenderaan pelancung-pelancung. Bagi tujuan ini satu Unit Kebajikan Gajah akan ditubuhkan.

Ladang Ternakan Rusa: Sebuah ladang ternakan rusa akan dimulakan tidak lama lagi. Percubaan memelihara dan membiak rusa dalam kurungan telah didapati berjaya. Jabatan Mergasetua berharap untuk mengadakan ladang ternakan rusa bermula dengan 40 ekor rusa jantan dan betina.

Buaya hampir lenyap di Malaysia Barat, oleh itu Jabatan ini akan memulakan sebuah tempat pembiakannya. Projek yang serupa juga dicadangkan bagi Seladang dan Badak Kerbau. Menjinakkan Seladang mungkin akan menjamin hidupnya berterusan. Teknik-teknik untuk menangkap perlu disiasat dan pakar-pakar perlu didapati bagi mengendalikan projek-projek ini.

Langkah-langkah yang teguh dan tegas terhadap dasar Pengurusan Mergasetua mesti diadakan untuk menjamin hidupan-hidupan liar berterusan. Penubuhan dan penyusunan semula Jabatan Mergasetua telah dijalankan bagi tujuan ini. Rancangan menghantar pegawai-pegawai ke Afrika menjalani kursus diploma dalam Pengurusan Hidupan Liar sedang diuruskan.

PERTANIAN

<i>Projek</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Kemajuan</i>
1. Bantuan Tanaman Ladang	\$15 juta	Hingga akhir tahun 1972 lebih dari \$4 juta telah dibelanjakan. Bantuan diberi kepada petani di seluruh negara terhadap berbagai jenis tanaman mengikut nilai bantuan sesuatu tanaman.
2. Rancangan Pemulihan Penanaman Semula kelapa	\$15 juta	Matlamat rancangan ialah untuk menanam atau memulihkan 50,000 ekar. Hingga akhir tahun 1973, 5,803 telah ditanam semula dan 22,491 ekar dipulihkan. Sejak tahun 1971, koko telah disulam di antara pokok-pokok kelapa. Matlamat rancangan ialah untuk menyulam 20,000 ekar. Hingga akhir tahun 1973, 9,684 ekar telah disulam.
3. Rancangan Pengeluaran Tanaman	\$6 juta	Berbagai jenis benih dikeluarkan seperti padi, kelapa sawit, jagung, kacang tanah dan lain-lain tanaman. Antara bulan Mac/April 1974, 68,800 bungkusan diedarkan untuk mengeluarkan lebih banyak bahan-bahan makanan. 140,000 bungkusan lagi diedarkan antara Jun/Julai 1974. Anak-anak pokok juga dikeluarkan. Dalam tahun 1972/73, 22,000 telah dikeluarkan. Tahun ini, anggaran iaitu 40,000 dan tahun 1975 80,000.
4. Institiut Pertanian ...	\$11.2 juta	Tiga buah* Institiut dibena di Titi Gantung, Perak, Air Hitam, Johor dan Besut, Trengganu. Institiut Titi Gantung dan Air Hitam telah siap. Institiut-institiut ini adalah tambahan kepada Institiut Serdang, Bumbong Lima dan Kuala Lipis.

PERIKANAN

<i>Projek</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Kemajuan</i>
1. Pelabuhan Perikanan	\$6.9 juta	Tiga buah pelabuhan sedang diselenggarakan iaitu di Lumut, Kuala Kedah dan Batu Maung. Pelabuhan di Lumut mula digunakan sejak bulan Mei. Tujuan projek ialah menyediakan kemudahan-kemudahan pelabuhan, pendaratan ikan, bilek sejuk, pasar borong dan lain-lain.
2. Melatih Nelayan ...	\$6.8 juta	Latihan jangka pendek dan panjang diberi di empat buah pusat. Kira-kira 2,960 orang akan dilatih di bawah Rancangan Malaysia Kedua.
3. Bantuan Wang kepada Perusahaan Perikanan	\$2.5 juta	Sejak dimulakan seramai 1,115 orang nelayan di Kelantan, Trengganu, Pahang, Johor, Kedah dan Pulau Pinang telah menerima bantuan. Bantuan berupa alat-alat menangkap ikan dan injin sangkut.

MAJUIKAN

1. Membina Bot Pukat Tunda	} \$10 juta	Matlamat projek ialah membina 171 buah bot. Tempahan-tempahan membina telahpun dibuat. 36 buah telah dilancarkan. Sebahagian besar bot-bot akan siap tahun ini dan dilancarkan, di pusat-pusat perikanan seluruh negara.
2. Bot-bot Serbaguna ...		
3. Bot Pukat Jerut ...		
		5 buah akan dibina. Sebuah telahpun siap dan empat lagi dalam pertengahan tahun ini. Rancangan ini ialah bagi Pulau Pangkor.

Projek	Peruntukan	Kemajuan
4. Kilang Air Batu ...	\$1.45 juta	Tiga buah akan didirikan iaitu di Kuala Perlis, Kuantan dan Batu Maung, Kilang Kuala Perlis telah siap.
5. Kilang Memproses Udang/Ikan	\$1.2 juta	Tiga buah kilang akan didirikan di Kuala Kedah, Kuala Trengganu dan Johor Bahru. Pembinaan di Kuala Kedah dan Kuala Trengganu sedang berjalan dan siap hujung tahun ini.
6. Persatuan Nelayan ...	\$1 juta	Matlamat Kementerian ialah menubuhkan 39 buah Persatuan. 23 telahpun ditubuhkan. 16 lagi ditubuhkan tahun ini dan tahun hadapan.

LAMPIRAN C

HAIWAN

<i>Projek</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Kemajuan</i>
1. Rancangan Ternakan ...	\$6 juta	Rancangan-rancangan mengandungi ternakan lembu, kerbau, ayam/itik dan babi dan diselenggarakan secara pawah. Rancangan ini sekarang digalakkan menerusi Persatuan-persatuan Peladang.
2. Perkhidmatan Permainan Beradas	\$600,000	15 buah pusat telah didirikan, lembu-lembu baka juga telah diimpot dan akan diteruskan.
3. Pusat Penyelidikan Haiwan	\$250,000	Institusi di Ipoh mengeluarkan kira-kira 106 juta dose ubat ayam-itik dan 63,000 dose ubat lembu setahun. Ubat-ubat digunakan di dalam dan luar negeri.

MAJUTERNAK

1. Rancangan Daging/Susu, Behrang	\$3.8 juta	Luas kawasan 3,600 ekar. 2,300 ekar telah dibuka dan ditambah 200 ekar lagi tahun ini. 1,100 ekar telah ditanam rumput. Jumlah ini meningkat kepada 2,500 ekar tahun ini. 900 ekar lembu telah ditempatkan dan akan ditambah menjadi 2,000 tahun ini.
2. Rancangan Daging/Susu, Air Hitam	\$3.8 juta	Luas kawasan 2,000 ekar. 1,166 ekar telah dibuka dan dibuka sepenuhnya tahun ini. Seluruh kawasan ditanam rumput tahun ini. 1,100 ekor ternakan telah ditempatkan dan ditambah hingga 2,000 tahun ini.
3. Rancangan Daging/Susu, Jelai, Gemas	\$3.8 juta	Luas kawasan 5,000 ekar. Telah dibuka 1,100 ekar. Ditambah hingga 2,000 ekar tahun ini. 400 ekar telah ditanam rumput

Projek	Peruntukan	Kemajuan
		dan ditambah hingga 2,000 ekar tahun ini. 1,500 ternakan akan ditempatkan tahun ini.
4 Rancangan Daging/Susu, Tersat \$3.8 juta		Luas kawasan 5,000 ekar. Telah dibuka 1,220. Ditambah hingga 2,000 ekar tahun ini. 620 ekar telah ditanam rumput. Ditambah hingga 2,000 ekar tahun ini. 1,500 ternakan ditempatkan tahun ini.
5. Rancangan Daging/Susu, Padang Hijau \$3.8 juta		Luas kawasan 5,000 ekar. 1,540 ekar telah dibuka. Ditambah hingga 2,500 ekar tahun ini. 300 ekar telah ditanam rumput. Ditambah hingga 2,000 ekar tahun ini. 1,500 ekor ternakan dimasukkan tahun ini.
6. Rancangan Daging/Susu, Ulu Lepar \$3.8 juta		Luas kawasan 5,000 ekar. 1,200 ekar dibuka tahun ini. 1,000 ekar akan ditanam rumput dan 500 ekor ternakan dimasukkan.
7. Rancangan Daging/Susu, Sarawak \$3.8 juta		Luas kawasan 5,000 ekar. Pembukaan kawasan diperluas hingga 1,500 ekar tahun ini di mana 1,000 ekar ditanam rumput dan 500 ekor ternakan dimasukkan.

JABATAN PARIT DAN TALIAIR

<i>Projek</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Kemajuan</i>
1. Rancangan Pengairan Muda	\$228 juta	Rancangan melibatkan kawasan 260,000 ekar. 210,000 ekar telah ditanam dua kali setahun.
2. Rancangan Pengairan Kemubu	\$75 juta	Rancangan membolehkan kawasan padi 47,000 ekar ditanam dua kali setahun. Seluruh rancangan meliputi kawasan seluas 82,000 ekar.
3. Rancangan Pengairan Besut	\$16 juta	Rancangan ini sedang dilaksanakan dan dijangka siap akhir tahun ini. Rancangan ini akan membolehkan penanam padi dua kali setahun bagi kawasan seluas 12,000 ekar.
4. Rancangan Johor Barat	\$230 juta	Rancangan ini ialah untuk menyediakan kemudahan perparitan dan dilaksanakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama telah mula dilaksanakan meliputi kawasan seluas 330,000 ekar dari Kukup ke Parit Botak, dan dijangka siap dalam tahun 1979. Peringkat kedua meliputi kawasan seluas 400,000 ekar di Daerah Batu Pahat. Pelaksanaan dimulakan selepas selesai peringkat pertama.
5. Rancangan-rancangan Kecil		Rancangan ini diusahakan secara gotong royong oleh petani-petani. Dalam tahun 1973, \$3 juta telah dibelanjakan bagi 276 projek manakala tahun 1974, \$2.5 juta diuntukkan bagi 263 projek.

FAMA

<i>Projek</i>	<i>Peruntukan</i>	<i>Kemajuan</i>
1. Pemasaran Padi dan Beras	\$28 juta	10 rancangan diadakan di seluruh negara. Di bawah rancangan ini juga termasuk pembinaan kompleks mengering dan mengering padi. Rancangan ini sekarang diselenggarakan oleh LPN sejak tahun 1972.
2. Pemasaran Ikan ...	\$2 juta	Dua buah kompleks dibina di Kuching dan Kuala Trengganu. Kompleks di Kuala Trengganu telah siap manakala yang di Kuching siap bulan Ogos ini. Rancangan ini sekarang diserahkan di bawah urusan Majuikan.
3. Pemasaran Kopi ...	\$206,000	Sebuah pusat memproses kopi telah dibina di Kancong Darat, Kuantan Langat. Pusat ini sedang diperluas untuk mengilang serbok kopi.
4. Pemasaran Lada Hitam	\$5.9 juta	Tiga buah pusat menggered dan memproses Lada Hitam sedang didirikan di Kuching, Sarikei dan Johor Bahru. Pusat-pusat ini siap akhir tahun 1975.
5. Pemasaran Kelapa ...	\$180,000- \$200,000	Tiga buah pusat memproses kelapa kering sedang dibina di Hilir Perak, Sabak Bernam dan Batu Pahat. Pusat-pusat di Sabak Bernam dan di Hilir Perak akan siap pada tahun ini.

